

MENEROKA ASAS PEMIKIRAN HUBUNGAN GURU-MURID DALAM INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM ZAMAN ABBASIYAH

EXPLORING THE FOUNDATION OF THE TEACHER-STUDENT RELATIONSHIP IN ISLAMIC EDUCATIONAL INSTITUTIONS OF THE ABBASID ERA

Zulfahmi

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

fahmi.netasia@gmail.com

Asyraf Isyraqi Jamil

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Fakhrul Adabi Abdul Kadir

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Submission Date: 14th July 2021

Acceptance Date: 31th August 2021

Abstrak: Institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah mempunyai keunikan yang pelbagai. Realiti ini dapat dilihat dari sumbangan para sarjana Islam masa itu di mana ianya memberikan makna penting bagi pendidikan hari ini. Amalan yang berlaku dalam institusi pendidikan Islam tidak terlepas daripada hubungan guru-murid khasnya abad 8-12 M. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengkaji asas pemikiran hubungan guru-murid yang berlaku dalam institusi pendidikan Islam era Abbasiyah. Antara bentuk institusi yang paling menonjol yang dikaji ialah Pusat Pengkajian, Masjid dan Madrasah. Ianya diteroka secara umum berdasarkan data sejarah dari sumber primer dan sekunder. Manakala analisis data menggunakan pakai metode interpretasi dan deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa asas pemikiran hubungan guru-murid yang wujud dalam institusi pendidikan Islam yang paling utama ialah hubungan spiritual, berlakunya proses peng-adaban, guru-murid dituntut untuk mencapai kebijaksanaan (*bikmah*) dan semangat ilmiah yang tertanam dalam jiwa peribadi sarjana. Dengan demikian, elemen-elemen tersebut perlu ditonjolkan semula dalam hubungan guru-murid menerusi institusi pendidikan semasa agar wibawa ilmu dapat diletakkan pada tempat yang sewajarnya.

Kata Kunci: Hubungan Guru-Murid, Institusi Pendidikan Islam, Pusat Pengkajian, Masjid, Madrasah.

Abstract: *Islamic educational institutions during the Abbasiyah era possess a number of uniqueness. This has been shown through the contribution of those earlier islamic scholars, resulting in critical meaning in today's education. The practice that occurs in Islamic educational institutions are derived from the teacher-student relationship, especially during the 8th-12th century. Hence, this study aims to examine the basis of teacher-student relationship thinking that occurred in Islamic educational institutions of the Abbasiyah era. Among the most prominent institutions studied are the research centers, mosques, and schools. The data obtained generally through an exploration of primary and secondary historical sources. In addition, data analysis employed interpretive and descriptive methods. Findings showed that the fundamental thoughts of teacher-student relationship existing in the most important Islamic educational institutions reveal four important aspects namely spiritual values, manner teaching (adab), wisdom, and scientific spirit. Thus, these elements need to be re-emphasized in the teacher-student relationship through current educational institutions so that the authority of knowledge can be situated in its proper place.*

Keywords: Teacher-Student Relationship, Islamic Educational Institutions, Research Center, Mosque, Madrasah.

Pengenalan

Institusi pendidikan yang wujud dalam peradaban Islam dapat dilihat daripada dua pandangan iaitu sebelum dan sesudah institusi madrasah. Secara khusus Makdisi membahagikan institusi pendidikan dalam dua bentuk iaitu institusi tidak terkawal dan eksklusif. Menurutnya institusi tidak terkawal antaranya *masjid-jami'*, *dar al-'ilm*, *dar al-kutub*, *majlis al-naẓar* atau *majlis al-'ilm*. Sementara institusi ekslusif adalah madrasah, terdapat kategori guru dan murid, serta pengajian dalam mazhab (Makdisi, 1991: 4). Perbincangan ini menunjukkan adalah benar bahawa istilah-istilah dalam institusi pengajaran yang digunakan untuk menunjuk guru dan fungsi yang dilakukan oleh guru dan murid, semisal pengajian Abu Hanifah, pengajian al-Shafi'i, pengajian Hanbali (Makdisi, 1991: 29), dan pengajian-pengajian lainnya yang wujud dalam pelbagai aspek ilmu pengetahuan.

Zaman Abbasiyah merupakan era kegemilangan ilmu pengetahuan (Shalabiy, 1954: 233) yang telah disempurnakan dari asas sebelumnya iaitu pada masa Rasulullah s.a.w, para sahabat setelah kewafatan baginda, dan zaman Umayyah. Mengikut Shalabiy (1954), kecermelangan ini berlaku kerana wujudnya aktifiti penterjemahan bahasa-bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Fadzlullah Shuib (1995) juga menekankan bahawa fenomena yang mewarnai gerakan penginstitusian ilmu pada masa Abbasiyah ialah wujudnya peranan dan naungan politik para khalifah, amir dan gabenor. Oleh yang demikian, banyak ruang yang perlu dikemukakan semula dalam institusi pendidikan Islam. Perkara ini tidak terlepas dari sumbangan para sarjana dalam institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah dengan pelbagai karya dan kitab-kitab mereka (Fakhri, 1989).

Beberapa pandangan tersebut menunjukkan ruang yang boleh untuk dikaji lagi, salah satunya ialah tentang hubungan guru-murid dalam pendidikan. Perkara-perkara asas tentang hubungan guru-murid patut dilihat semula agar ianya menemukan kembali jati diri pendidikan Islam. Hal ini seperti mana dirasakan oleh Muhammad Qumbur (1985) tentang kesukarannya menghasilkan penulisan berkaitan institusi pendidikan Islam terutamanya dalam bidang sejarah pendidikan Islam. Begitu pula seperti yang dinyatakan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (2005) bahawa kurangnya kajian-kajian falsafah pendidikan disebabkan oleh sedikitnya Muslim yang benar-benar serius menulis karya falsafah yang dapat dijadikan rujukan idea pendidikan mereka.

Justeru itu, artikel ini cuba meneroka tiga bentuk institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah iaitu pusat pengajian, masjid dan madrasah secara am. Matlamatnya ialah untuk mengetengahkan nilai-nilai falsafah antara hubungan guru dan murid yang wujud diamalkan dalam institusi tersebut.

Perbincangan dilakukan menerusi penelitian kepustakaan (*library research*) dengan menggunakan sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer ialah kitab-kitab sarjana Islam seperti *al-Fihrist* karya Ibn Nadim, *Mu'jam al-Udaba'* karya Yaqut al-Hamawiy, *Wafayat al-A'yan wa-Anba' al-Zaman* oleh Ibn Khalikan, *Siyar A'lam al-Nubala'* karya al-Dhahabi, *Ihya' 'Ulum al-Din* karya al-Ghazali, *Riblah* oleh Ibn Jubayr dan lain-lainya. Semua kitab tersebut banyak memberikan data penting tentang institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah, khususnya tentang asas pemikiran hubungan guru-murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Sedangkan sumber sekunder ialah data-data yang mendukung sumber primer.

Data-data yang diperolehi akan diteliti menerusi metode interpretasi dan deskriptif (Bakker & Zubair, 1989). Hal ini juga selari dengan pandangan 'Abd al-Rahman Badawiy (1977: 188-214) bahawa tahapan yang digunakan dalam kaedah sejarah iaitu mengenal pasti dokumen sejarah (*al-watha'iq*), membuat kritikan internal dan eksternal (*al-naqd al-dakhili wa al-kharjii*), analisis (*tahlil*), interpretasi (*tafsir*) dan mendapatkan natijah (*nata'iij*). Dengan demikian, analisis deskriptif digunakan untuk menyajikan data-data sejarah berkaitan institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah kurun masa 8-12 M. Sementara analisis interpretasi diguna pakai bagi meneroka nilai-nilai falsafah yang terkandung dalam hubungan guru-murid.

Institusi Pendidikan Islam Zaman Abbasiyah

Institusi pendidikan Islam yang dilihat dari aspek yang paling menonjol dalam sejarah pendidikan zaman Abbasiyyh antaranya ialah pusat pengkajian, masjid dan madrasah. Sementara asas pemikiran hubungan guru-murid dihuraikan melalui nilai-nilai yang melatari hubungan kedua-duanya ketika berlangsung proses pengajaran dan pembelajaran ataupun di luarnya.

Nilai-nilai hubungan guru-murid yang diamalkan dalam institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah dapat dikatakan sebagai punca interaksi kepada pencapaian ilmu pengetahuan. Tidak hairan apabila pada masa ini ditubuhkan pelbagai institusi pendidikan sama ada institusi pendidikan tidak rasmi mahupun institusi pendidikan yang rasmi dan sistematik. Artikel ini mencuba meneroka beberapa institusi bagi menemukan nilai-nilai hubungan guru-murid pada zaman tersebut. Dalam hal ini, pengkaji hanya melihat tiga bentuk atau model institusi yang paling menonjol iaitu pusat pengkajian, masjid dan madrasah.

Pusat Pengkajian

Era awal Abbasiyah telah muncul pelbagai bentuk institusi pendidikan sama ada dalam bentuk am mahupun khas. Umpamanya institusi balai cerap dan hospital yang memiliki hubungan dengan pusat-pusat pendidikan Islam seperti madrasah dan universiti. Institusi tersebut menawarkan kuliah yang bersifat teori dan amalan. Balai cerap merupakan tempat bagi guru-murid untuk mengamalkan ilmu-ilmu astronomi. Manakala hospital sebagai tempat interaksi guru-murid untuk mengkaji dan mempraktikkan ilmu-ilmu perubatan (Hitti, 1970: 365; Nasr, 1984: 80 & 89).

Khalifah kedua Bani Abbasiyah, al-Mansur (136H/754M) yang mendirikan Baghdad pada tahun 754 M, beliau juga menubuhkan hospital atau *al-bimaristan* yang kemudian berkembang menjadi kolej perubatan (Hamarneh, 1967: 16). *Al-Bimaristan* adalah institusi pendidikan bagi ilmu perubatan, di samping fungsinya sebagai hospital ia juga melakukan praktikal dan pengkajian bagi calon doktor. Semasa Bani Umayyah, institusi ini telah melakukan pelbagai penterjemahan buku-buku kimia dan kedoktoran ke dalam bahasa Arab. Antara khalifah yang banyak memberikan tumpuan dan perhatian pada institusi *al-Bimaristan* ialah Khalifah al-Walid ibn Abdul Malik (Nata, 2013: 136-137). Semasa khalifah al-Mansur, beliau mempercayakan jawatan pengarah hospital yang pertama kepada Bakhtishu, kemudian diikuti oleh anaknya Jurjis Bakhtishu. Pusat pengkajian hospital atau *al-Bimaristan* ini mencapai puncak kegemilangannya semasa Abu Bakr al-Raziy memegang jawatan pengarah.

Ini menunjukkan bahawa pusat pengkajian balai cerap ataupun hospital adanya interaksi hubungan guru-murid yang sama-sama berkhidmat untuk pengkajian ilmu astronomi dan perubatan. Mereka menjalankan kuliah untuk mengkaji ilmu teoritikal dan mempraktikannya di pusat-pusat pengkajian tersebut. Perkara ini tidak mudah apabila guru tidak mendidik murid dengan baik, apatah lagi mencapai puncak kegemilangannya seperti masa Abu Bakr al-Raziy.

Selain balai cerap dan hospital, terdapat juga perpustakaan yang dijadikan sebagai pusat pengkajian. Perpustakaan berkembang seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan. Ia bukan sahaja tempat penyimpanan buku, tetapi juga sebagai pusat pengkajian, penyalinan dan penterjemahan kitab-kitab. Menurut Abudin Nata (2013), semasa Bani Umayyah terdapat perpustakaan yang paling terkenal iaitu Perpustakaan Cordoba yang dibina oleh al-Hakam Ibn Nasir (35H). Perpustakaan juga dijadikan sebagai pusat pertemuan para cendikiawan (guru-murid) untuk mengadakan majlis-majlis diskusi. Perpustakaan ‘Aliy al-Munajjim di Baghdad yang dibiayai oleh pembesar Kerajaan Abbasiyah dijadikan sebagai pusat diskusi sains dan falsafah. Begitu juga dengan Perpustakaan Khizanat Sabur Ardashir dan Dar al-‘Ilm di Mawsil dijadikan sebagai pusat anjuran majlis-majlis perdebatan dan perbahasan (Yaqut al-Hamawi al-Rumi, 1993: 420).

Perpustakaan terbesar pada masa Abbasiyah dikenal dengan “*Khizanat al-Hikmah*” atau “*Bayt al-Hikmah*” yang diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rashid, kemudian dibesarkan dan dikemaskan oleh anaknya Khalifah al-Ma’mun. Ibn al-Nadim kadang-kadang menggunakan istilah Khizanat al-Rashid dan kadang pula menggunakan Khizanat al-Ma’mun.(Nadim, n.d.: 286-287). Ahmad Amin (1979) menyimpulkan bahawa buku yang diperolehi pada zaman Khalifah al-Rashid disimpan dalam satu khizanat. Sementara buku yang diperolehi pada zaman Khalifah al-Ma’mun disimpan dalam khizanat yang lain pula. Walaupun secara amnya tetap dikenal dengan *Bayt al-Hikmah*, tetapi secara khas terjadi pemisahan antara zaman Khalifah al-Rashid dengan Khalifah al-Ma’mun. Khalifah Harun al-Rashid pernah melantik Yuhana Ibn Masawayh untuk menterjemah buku-buku perubatan dan juga memberikan penulis-penulis yang cekap untuk membantunya. Khalifah al-Ma’mun juga memerintahkan penyalinan dan penterjemahan buku-buku. Baginda melantik Sahal Ibn Harun sebagai penulis dan diberi kuasa bertanggungjawab terhadap buku-buku yang dikirim oleh Raja Cyprus kepada khalifah (Amin, 1979: 63-64; Shalabi, 1954: 355).

Apa yang dilakukan oleh Khalifah merupakan nilai untuk memartabatkan ilmu pengetahuan. Khalifah menaungi institusi pendidikan Islam dengan melantik pejawat untuk mengurusinya. Mereka yang dilantik adalah ulama-ulama yang mahu mengkaji dan memberi pengajaran kepada murid-muridnya. Kerja penyalinan, penterjemahan dan pengkajian bukan perkara mudah yang boleh dilakukan oleh sebarang orang, tetapi ianya memerlukan kecekapan dalam memahami dan menulis semula apa yang telah ditelaahnya. Khidmat seperti ini, dapat dipastikan memakan masa yang lama dan benar-benar dibuat dengan tungkus lumus. Justeru itu, nilai-nilai tersebut yang terpatri dalam hubungan guru-murid sehingga mereka boleh menamatkan kerja ilmu pengetahuan dan pengkajian sains.

Masjid

Masjid merupakan sebuah institusi pelajaran yang besar, ianya bukan tempat ibadah semata-mata tetapi pelbagai perkara lain dijalankan di sini. Masjid dapat dinyatakan sebagai tempat shalat, pengajaran kuliah dan juga mahkamah tempat menyelesaikan perkara hukum. Perkara yang paling penting di masjid adalah sebagai tempat pengajaran semenjak masjid didirikan. Amalan tersebut terus berjalan sepanjang tahun dengan masa yang tidak putus-putusnya di seluruh negeri Islam, seperti Masjid ‘Amru di Mesir, Masjid di Basrah, Masjid di Kufah, Masjid Haram dan masjid-masjid lainnya (Amin, 1979: 51; Shalabi, 1954: 102). Ahmad Shalabi (1954) dan Makdisi (1981) mengkategorikan masjid dalam dua bentuk, masjid jami’ sebagai tempat melaksanakan solat jumat dan masjid sebagai tempat menunaikan solat fardhu lima waktu. Namun dalam peradaban Islam, semasa lampauya merupakan masjid jami’, sekarang telah berubah menjadi institusi pendidikan yang besar iaitu Jami’ al-Azhar, Kaherah. Jami’ ini dibina oleh Jawhar al-Siqiliy pada tahun 360 H dan beliau menjadikannya sebagai tempat memberi pelajaran dan penyelidikan ilmiah pada tahun 378 H. Jami’ al-Azhar mempunyai peranan besar dalam pendidikan Islam dan universiti terpenting di antara universiti-universiti lain di alam Islam (Lane Poole, 1912: 123-124; Shalabi, 1954: 105) Ia diiktiraf sebagai universiti Islam yang telah lama kekal dan terus memberikan sumbangan bagi perkembangan umat Islam (Fadzlullah Shuib, 1995: 66-67).

Tumpuan pengajaran di masjid menjadi makluman bagi semua kalangan, hal ini sepertimana yang diperaktikkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. yang menjadikan masjid sebagai tempat belajar. Pada masa hijrah ke Madinah, Baginda singgah di Quba dan mendirikan Masjid Quba iaitu masjid yang paling awal dibina di zaman Islam Shalabi, 1954: 103). Al-Ghazaliy (1967) menuturkan bahawa di masjid ini diadakan kegiatan-kegiatan pelajaran sebagaimana Baginda menggunakan masjidnya di Madinah sebagai tempat memberi pelajaran kepada para sahabat berkaitan urusan-urusan agama dan dunia.

Ahmad Amin (1979) menerangkan bahawa Ibn Khalikan pernah menyebut bahawa Rabi‘at al-Ra‘y menggunakan Masjid Nabi di Madinah sebagai tempat ia mengajar, sehingga ramai kalangan yang mengikuti pengajarannya, antaranya Malik Ibn Anas, Hasan, dan lain-lain bangsawan Madinah. Mereka

menumpukan perhatian kepada pelajaran-pelajarannya, terutama berkaitan al-Quran dan hadis (Ibn Khalikan, 1, 1978: 257). Selain itu, pengajaran juga diamalkan di Jami' al-Mansur, masjid ini menjadi tumpuan perhatian guru dan murid. Dikisahkan bahawa al-Khatib al-Baghdadiy semasa melaksanakan ibadah haji di Makkah, beliau minum di telaga zamzam dan berdoa agar dikabulkan tiga hajat. Salah satunya adalah diberikan kesempatan untuk mengajar hadis di Jami' al-Mansur (Yaqut al-Hamawi al-Rumi, 1993: 246-247). Ertinya Jami' al-Mansur telah termasyhur di kalangan ulama-ulama besar sehingga mereka berhasrat memberikan pelajaran di masjid ini. ini juga menunjukkan bahawa jiwa seorang guru dengan ketinggian ilmunya ingin diberikan kepada seluruh masyarakat, terutama di masjid-masjid yang dihadiri oleh orang ramai. Di masjid ini pula, Al-Kasa'i mengajar tentang ilmu pengetahuan bahasa, antara murid yang mengikutinya adalah Farra', al-Ahmar, dan Ibn al-Sa'dan (Yaqut al-Hamawi al-Rumi, 1993: 246-247). Amalan yang dipraktikkan dalam pengajaran-pengajaran ilmu di masjid menjadi tumpuan guru-murid sama ada amalan yang dilakukan dengan *munazarah* atau *mudhakarah* secara berterusan.

Pada zaman pemerintahan Bani Umayyah, Masjid Basrah merupakan pusat bagi kegiatan ilmu pengetahuan pada masa itu. Antaranya terdapat kumpulan yang diasaskan oleh Hasan al-Basriy sehingga melahirkan perbahasan-perbahasan mengenai Ilmu Kalam. Di samping terdapat pelbagai kumpulan lain dalam pengajaran ilmu pengetahuan sama ada pengetahuan agama mahupun Bahasa Arab. Misalnya lagi, Hammad Ibn Salamah Ibn Dinar, al-Kumayt Ibn Zayd, Hammad al-Rawiyah dan juga kumpulan-kumpulan lain yang ber-*mudhakarah* tentang tata bahasa dan syair-syair (Amin, 1979: 52; Shalabiy, 1954: 111; Yaqut al-Hamawi al-Rumi, 1993: 135).

Selain pengajaran ilmu-ilmu agama dan bahasa, Shalabiy (1954) juga menghurai bahawa di masjid terdapat pengajaran ilmu kedoktoran dan ilmu hisab. Bahkan al-Suyutiy meriwayatkan di Masjid Jami' al-Tuluni telah disusun bermacam-macam pelajaran yang sistematik mencakup Tafsir, Hadis, Fiqh empat mazhab, Qira'at, Kedoktoran dan Hisab (Amin, 1979: 52; Shalabiy, 1954: 111). Mengikut 'Abd al-Latif al-Baghdadiy, ilmu kedoktoran diajarkan waktu tengah hari pada tiap-tiap hari di Jami' al-Azhar (Ibn Abi 'Usaybi'ah, 1882: 207). Mustafa Siba'iy (1999) menyatakan masjid sebagai tempat pengajaran baca tulis, al-Quran, ilmu shari'ah, bahasa, dan pelbagai cabang ilmu lainnya.

Pengajian di masjid juga terdapat zawiyyah-zawiyyah yang mengadakan halakah ilmu. Seperti Masjid Umaiyyah yang wujud lapan zawiyyah antaranya ialah dua zawiyyah Shafi'iy, satu zawiyyah Hanbaliy, tiga zawiyyah Hanafiy, satu zawiyyah Malikiy dan juga merujuk satu zawiyyah ash-Shaikhiya. Ertinya fenomena zawiyyah lebih merujuk kepada pengajian fikah yang juga didapati pada beberapa masjid tertua di Kaherah. Antaranya ialah al-jami' al-'Atiq, Taj al-Jawami' atau Jami' 'Amr Ibn al-'Ash (George Makdisi, 1981: 20). Maqrizi merekodkan bahawa terdapat lapan zawiyyah di Jami' 'Amr Ibn al-'Ash yang menggalakkan pengajian fikah (Taqi al-Din Ahmad ibn Ali Al-Maqrizi, 1997: 246-256).

Gambaran memberi pelajaran di masjid-masjid memperlihatkan amalan pengajaran guru kepada murid dengan metode yang berbeza-beza. Contoh-contoh yang dihuraikan di atas adalah beberapa bentuk pengajaran ilmu pengetahuan di masjid-masjid dengan asas falsafah tersendiri. Apakah nilai yang diamalkan guru sehingga murid-murid yang mengikuti pengajaran di masjid menjadi ramai dan terus bertambah dari semasa ke hadapan. Realiti ini tidak dapat dinafikan bahawa masjid adalah institusi pendidikan yang penting dan berlakunya hubungan guru-murid dalam apa-apa bidang yang diajarkan. Perkara ini pula yang melatarbelakangi lahirnya madrasah, kesan daripada perkembangan pengajaran ilmu pengetahuan yang lebih baik dan tersusun sistematis.

Madrasah

Institusi pendidikan madrasah merupakan perpindahan amalan pengajaran yang sebelumnya dilakukan di masjid. Berubahnya tempat pengajaran kerana alasan-alasan yang mengharuskan demikian sama ada

dari segi masa mahupun segi tempat. Ahmad Shalabiy menggariskan beberapa alasan pelajaran berpindah dari masjid ke sekolah, iaitu:

- 1- Pertama, semakin lama semakin bertambah ramai masyarakat yang menumpukan perhatian kepada ilmu pengetahuan sehingga lingkaran pelajaran di masjid semakin banyak. Sehingga suara dalam lingkaran sedikitnya mengganggu orang yang beribadah.
- 2- Kedua, perubahan ilmu pengetahuan disebabkan perubahan zaman dan kemajuan pendapat manusia memberikan impak kepada cara pengajaran yang tidak selari dengan rasa ketenangan dan rasa keagungan yang wujud pada diri pengunjung masjid.
- 3- Ketiga, ada sekumpulan manusia yang menggunakan masanya untuk mengajar dan memenuhi keperluan hidup. Kerana itu madrasah sebagai tempat yang menjamin keperluan-keperluan hidup mereka (Shalabiy, 1954: 113-114).

Di samping itu, madrasah diasaskan untuk kepentingan ilmu pengetahuan agama. Kenyataan ini berlaku kerana di negeri Iraq, Syria dan Mesir sebelum madrasah diasaskan adalah di bawah pengaruh kerajaan Bani Buwaih dan Fathimiyah. Kedua-duanya menganut fahaman Shi'ah dan berusaha menyebarluaskan fahaman tersebut di kalangan rakyat. Setelah keruntuhan kedua kerajaan tersebut muncul kerajaan Saljuk dan Ayubiyah sebagai pengikut mazhab Ahl al-Sunnah. Oleh itu, mereka mengasaskan madrasah-madrasah untuk membanteras fahaman-fahaman yang telah ditanamkan oleh golongan Shi'ah pada jiwa rakyat. Pemerintahan Saljuk dan Ayubiyah menerapkan peraturan-peraturan di madrasah agar diberikan fahaman-fahaman Ahl al-Sunnah berdasarkan pelajaran-pelajaran agama yang benar. Realiti ini adalah wajar apabila madrasah lebih mementingkan ilmu pengetahuan agama daripada sains. Setelah pengaruh Shi'ah reda dan dikalahkan oleh Ahl al-Sunnah, maka lahirlah ilmu kedoktoran. Sebagai contoh Khalifah al-Muntasir sebagai seorang doktor yang ulung memberikan kuliah di Madrasah al-Muntasiriyyah dan memerintahkan untuk memberi gaji kepada doktor sebagaimana yang diberikan kepada para fukaha dan sarjana hadith (Shalabiy, 1954: 115-116).

Sementara dari segi pembinaan madrasah terjadi perbezaan pendapat di kalangan ahli ilmu, ada yang berpandangan bahawa ianya diasaskan pada masa Nizam al-Mulk iaitu Madrasah Nizamiyyah pada tahun 459 H, tetapi juga ramai yang menyatakan bahawa madrasah telah diasaskan sebelumnya. Ada yang menyatakan bahawa madrasah telah wujud pada abad kedua dan ketiga hijriah, di antaranya adalah madrasah yang dikenal dengan Madrasah Imam Abiy Hafaz al-Faqih al-Bukhariy (150-217 H), di mana nama madrasah telah dinisbahkan kepada pengasasnya. Terdapat pula gerakan-gerakan penubuhan madrasah di Timur, iaitu sekolah yang diasaskan di Naisabur pada awal abad keempat hijriah. Madrasah ini ditubuhkan oleh Imam Abu Hatim Muhammad Ibn Hibban al-Tamimiyy al-Shafi'iy (270-354 H) (Muhammad Aliy Rajub, 2002: 94).

Sebenarnya madrasah dalam tamadun Islam adalah sebagai sebuah peradaban yang lama, Ibn Kathir menyebut suatu peristiwa pada tahun 383 H, bahawa menteri Abu Nasr Sabur Ibn Ardashir (w. 416H), (keterangan mengenainya lihat: al-Dhahabi, 1984: 17/387; Ibn Khalikan, 1978: 2/354), membeli sebuah rumah di al-Karkh, kemudian memperbaikinya dan memindahkan buku-buku ke sana serta diwakafkan kepada para fukaha dan menamakannya dengan *Dar al-Ilm*. Menurutnya madrasah yang diwakafkan itu adalah pertama dan jauh sebelum wujudnya Madrasah Nizamiyyah (Ibn Kathir, 1997: 15/447). Terdapat pula madrasah yang dibina di Damsyik pada tahun 391 H, yang diasaskan oleh Sadir Ibn 'Abd Allah (Ibn Asakir, n.d.: 46/52), madrasahnya dikenal dengan Madrasah Sadiriyyah (al-Nu'aymiy, 1990: 1/413). Kemudian pembinaan madrasah ini juga diikuti oleh Rasha' Ibn Nazif (370-444 H), (mengenainya lihat: Khayr al-Din al-Zirikliy, 2002: 3/21). Beliau menubuhkan Madrasah al-Rashaiyah yang mencapai 400 madrasah. Di mana murid-murid yang belajar di halaqah masjid mencari madrasah-madrasah itu yang sesuai dengan bidangnya dan ibu bapa mereka mewakafkan harta dengan alasan pendidikan mereka.

Walaupun demikian, Shalabiy secara jelas menyatakan pandangannya selari apa yang dinukilkhan oleh Ibn Khalikan, bahawa Nizam al-Mulk adalah orang yang pertama membina madrasah dan kemudian diikuti oleh yang lain-lainnya. Beliau menguatkan hujahnya bahawa madrasah yang dibina sebelum pembinaan Nizam al-Mulk adalah usaha yang terhad, dangkal dan tidak panjang umurnya serta tidak mempunyai pengaruh yang kuat dalam Islam (Ibn Khalikan, 1978: 1/202; Shalabi, 1954: 358). Sementara mengikut para sarjana madrasah yang paling awal dan sistematik dalam Islam adalah Madrasah Nizamiyyah yang diasaskan oleh Nizam al-Mulk pada pertengahan abad ke-11. Madrasah ini lahir kerana perbezaan pandangan antara mazhab Sunni, Dinasti Saljuk dan Shi'ah Dinasti Fatimiyah di Mesir. Sehingga Madrasah Nizamiyyah dapat dikatakan sebagai madrasah yang membezakan era pendidikan sebelumnya dengan pentadbiran yang sistematik dan diiktirafkan oleh kerajaan (George Makdisi, 1981, 1990; Khalil A Totah, 1926; Makdisi, 1991; Samsul Nizar, 2007; Shalabiy, 1954).

Dalam perkembangan sejarah madrasah telah tersebar secara meluas, Hefner mencatat bahawa madrasah berkembang di Baghdad pada tahun 1063, Damaskus pada tahun 1090, Kairo pada tahun 1170, Spanyol dan India Utara pada awal abad ke-13. Nizam al-Mulk sebagai menteri Bani Saljuk telah mendirikan sebelas madrasah di Iraq dan Syria. Menurut Berkey, menjelang abad kedua belas madrasah telah menjadi institusi keagamaan dengan ciri khas dari landskap abad pertengahan di Timur Tengah (Hefner & Zaman, 2007: 6). Pernyataan Berkey hanya memandang madrasah sebagai ciri khas Timur Tengah, sebaliknya madrasah adalah sebuah institusi pendidikan Islam yang berkembang daripada institusi masjid dan kuttab yang telah wujud sebelumnya.

Mohammed Aman (2008) dalam mengulas buku Hefner dan Zaman (*Schooling in Islam*) menyatakan madrasah sebagai sebuah institusi keagamaan telah melahirkan cahaya bagi masyarakat Islam, daripada madrasah lahirnya ahli hukum, sarjana agama, dan di beberapa negara lainnya juga lahir ahli matematik, doktor perubatan, dan ahli astronomi. Semua perkara tersebut menunjukkan madrasah adalah institusi masyarakat Islam pada zaman Abbasiyah yang wujudnya tidak terlepas dari amalan guru-murid. Menurut Mohammed Aman (2008) pula, adanya pergeseran yang beransur-ansur dari madrasah sebagai akibat dari keyakinan sesetengah masyarakat Islam dengan gaya pendidikan Eropah adalah jalan yang lebih baik untuk berkembang berbanding pendidikan Islam. Justeru itu, institusi pendidikan Islam mestи diperkasakan dengan lebih bermartabat terutama dalam amalan hubungan guru-murid sebagai punca dalam melahirkan ahli dan ilmuwan dalam pelbagai bidang dengan ciri-cirinya yang semula jadi.

Asas Pemikiran Hubungan Guru-Murid

Asas yang melatari hubungan guru-murid dapat dianalisis dari data sejarah yang telah dipaparkan sebelum ini. Usaha yang dijalankan guru tentu memiliki hakikat yang sebenar di sebalik pengajaran dan pembelajaran. Keperluan peribadinya tidak dihiraukan demi tersalurkan ilmu kepada murid dan generasi selanjutnya. Sebenarnya, hakikat ini susah diertikan secara tulisan kerana ianya wujud dalam hati sanubari sosok guru itu sendiri. Namun, berdasarkan data yang disajikan ianya menjadi suatu tolak ukur untuk melihat hakikat sebenarnya. Apakah hubungan guru-murid mempunyai nilai-nilai asas yang mesti diteroka semula untuk memartabatkan ilmu pada tempatnya.

Pada asasnya hubungan guru-murid yang utama telah direkodkan dalam al-Quran dengan menggunakan kata “*sahiba*” bagi menunjukkan satu hubungan yang sangat dekat antara dua orang yang kerap berinteraksi (*Kathrat al-Mulazamah aw Mu'asarah*). Di dalam Surah al-Taubah menunjukkan perkataan Baginda Nabi kepada Abu Bakar dengan menyebutnya ‘*sahibih*’, seperti mana dimaklumi bahawa Abu Bakar memang seorang teman yang selalu bersama Nabi Muhammad s.a.w. (Surah al-Taubah, 9: 40). Terdapat juga dalam Surah al-Kahfi yang dihuraikan sekumpulan belia yang bersama-sama tertidur selama bertahun-tahun di dalam gua dikenal dengan *Ashab al-Kahf* (Surah al-Kahfi, 18: 34). Ertinya perkataan *sahiba* mengandungi hubungan yang rapat antara dua insan yang selalu berinteraksi sebagaimana hubungan persahabatan antara Rasulullah s.a.w dengan para sahabat semasa hidup

Baginda. Baginda pun memanggil mereka dengan sebutan sahabat, bukannya murid (*tilmidh* atau *talib*) yang pada asasnya mereka mengambil ilmu daripada Baginda.

Kedekatan Rasulullah s.a.w dengan para sahabat bukan setakat teman biasa tetapi ianya mempunyai hubungan spiritual yang mendalam dan berterusan dengan matlamat mendekatkan (*taqarrub*) diri kepada Allah SWT. Istilah *subbah* berkait rapat dengan tujuan tasawuf iaitu memiliki peribadi rabbani dan akhlak yang terpancar dari peribadi Rasulullah s.a.w untuk mencapai tingkatan ihsan (“Ajibah, n.d.: 25-26). Seseorang yang menginginkan perilaku yang baik dan mulia maka ia harus mencari teman yang berakhlik mulia agar terpancar sifat-sifat yang dilihatnya. Begitu pun seorang guru dengan peribadi yang mulia seperti takwa, warak, zuhud akan mudah diterima murid yang kedudukannya seperti para sahabat (‘Isa, 2009: 21).

Mengikut Imam al-Qushayriy, *subbah* secara istilah ditakrifkan bahawa ketika Allah SWT menetapkan persahabatan Abu Bakar dengan Rasulullah s.a.w, di saat itu pula Allah SWT menetapkan Abu Bakar menampakkan kasih sayangnya pada Rasulullah s.a.w. Oleh yang demikian, *subbah* dilihat daripada tiga segi iaitu *subbah* kepada yang diatas, iaitu memberi khidmat yang sebenarnya. *Subbah* kepada yang dibawah iaitu menuntut sahabat dengan adanya kasih sayang. Serta *subbah* setaraf iaitu dibina berdasarkan pemberian tanpa permintaan (al-Sha’raniy, 2008: 23-24). Zaman Rasulullah s.a.w dengan para sahabat merupakan asas utama hubungan guru-murid dalam pendidikan Islam yang kemudian diamalkan oleh ulama tabi’in.

Oleh itu, tinjauan institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyyah menunjukkan nilai-nilai tersebut yang dapat diketengahkan sebagai asas pemikiran hubungan guru-murid. Pada dasarnya, pusat pengkajian, masjid dan madrasah mempunyai konteks terhadap kerohanian, seni bina, organisasi, mahupun hubungan guru-murid. Maka daripada itu, asas falsafah hubungan guru-murid yang diperlakukan pada institusi-institusi tersebut dapat dirumuskan sekurang-kurangnya ada empat elemen penting. Hasil analisis interpretasi menunjukkan bahawa elemen tersebut tersirat dalam hubungan guru-murid di pusat pengkajian, masjid dan madrasah zaman Abbasiyyah berdasarkan kurun masa 8-12 M.

Konteks Spiritual

Seorang guru tidak menjalankan kewajibannya dengan ikhlas melainkan satu sebab yang tidak dapat dipisahkan iaitu hubungan kerohanian dalam agama. Majoriti sarjana Islam menggariskan bahawa syarat yang paling utama dalam belajar adalah niat, guru meniatkan bahawa mengajar adalah ibadah kepada Allah SWT semata-mata. Matlamat yang ditumpu adalah mendekatkan nilai-nilai spiritual agar seseorang sedar akan kelemahan dan kekurangan sebagai individu yang tidak mempunyai kuasa apa-apa kecuali atas kehendak Yang Maha Kuasa. Begitu pun seorang murid, niat belajar yang harus disemai dalam dirinya bahawa ilmu yang diperolehi adalah untuk mendekatkan diri kepada Maha Pencipta. Tujuannya murid dapat merasakan kesucian zahir batin dalam kehidupan ini. Petunjuk ini telah ditekankan oleh sarjana Islam semisal al-Ghazaliy (1967: 1/9-11), al-Zarnujiy (Ibrahim Ismail, 2011: 25-32), Ibn Jama’ah al-Kinaniy, n.d.: 47-48) yang menyatakan niat menuntut ilmu adalah semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Selain itu, dapat dilihat juga bahawa dalam pelbagai kitab hadis, para ulama menuliskan hadis yang pertama adalah tentang niat.

Kenyataan tersebut tidak akan berlaku melainkan terdapat tradisi ilmu untuk menjaga kebenaran dan kesahihan ilmu sehingga sampai kepada generasi-generasi selanjutnya yang dikenal dengan amalan sanad di kalangan *Ahl al-Hadith*. Penjagaan ilmu melalui sanad oleh ulama-ulama hadis sebagai tradisi yang dicontohkan Rasulullah s.a.w untuk berkata benar selari dengan sabda Baginda. Kerana pada hakikatnya, perawi hadis adalah seseorang yang bersikap benar, adil, dikenali banyak mengingat, fikiran sempurna, tidak syak wasangka serta mempunyai iktikad yang sempurna sebagai syarat yang digariskan Bukhariy dan Muslim (Amin, 1979: 2/144). Nilai-nilai tersebut tidak akan wujud dari peribadi guru-murid apabila tidak berasaskan iman kepada Allah SWT.

Amalan sanad tidak hanya dalam ilmu hadis tetapi ia juga wujud dalam ilmu tafsir. Tujuannya untuk meriwayatkan keterangan-keterangan Nabi Muhammad s.a.w mengenai al-Quran sama ada di dalam menerangkan kelebihannya atau memberikan tafsiran terhadap sesetengah ayat al-Quran. Sebenarnya guru-murid yang bergelut dalam tafsir al-Quran yang disebut ahli tafsir. Ianya menunjukkan dua sikap yang disokong oleh golongan tertentu. Pertama, golongan yang bersikap hati-hati menafsirkan al-Quran iaitu tidak berani meriwayatkan sesuatu ayat yang tidak terdapat keterangan dari Rasulullah s.a.w atau dari sahabat-sahabat. Seperti al-Asma'iy seorang tokoh bahasa yang matang, sangat berhati-hati dalam meriwayatkan atau mentafsirkan al-Quran dan hadis. Apabila beliau ditanya sesuatu mengenainya, beliau menjawab: "Orang Arab mengatakan pengertian ini begini, saya sendiri tidaklah mengetahui apakah maksud al-Quran di dalam perkara tersebut" (Ibn Khalikan, 1978: 1/409). Sikap hati-hati dalam meriwayatkan al-Quran merupakan rasa takut dalam jiwa seseorang kepada Tuhan-nya. Kedua, golongan yang menafsirkan al-Quran berdasarkan kepada ijihad masing-masing. Dalam hubungan ini misalnya al-Mawardiy yang menegaskan setengah dari golongan yang bersifat warak menafsirkan hadis-hadis berdasarkan pengertian zahirnya. Tetapi berlaku syarat ke atas mereka seperti memahami bahasa arab, *asbab al-nuzul*, dan *nasikh-mansukh*. Golongan ini kebanyakannya terdiri dari ulama-ulama Iraq (Amin, 1979: 2/187-188).

Sikap warak yang dizahirkan dalam penafsiran al-Quran merupakan wujud rasa takut kepada Allah SWT dalam berbuat sesuatu berdasarkan ijihad yang mendalam. Dengan demikian kewujudan sanad dalam ilmu hadis dan tafsir mempunyai nilai spiritual yang mendalam dari segi periwatan ilmu seorang guru kepada muridnya sehingga benar-benar menjaga diri dari penyelewengan ilmu dan takut kepada Allah SWT Yang Maha Mengetahui. Hakikat amalan tersebut terus diperlakukan oleh sarjana Islam seperti di pusat pengkajian ada Abu Bakr al-Raziy, masjid ada al-Khatib al-Baghdadiy, madrasah ada Imam al-Ghazaliy dan ramai ulama lainnya yang menekankan spiritual dalam pengajian mereka. Justeru itu, hubungan guru-murid menerusi sanad dalam pendidikan semasa perlu dimartabatkan semula terutama dalam pengajian al-Quran dan hadis, ianya memberikan implikasi yang besar dalam kehidupan. Perkara ini tidak boleh diketepikan, kerana penyelewangan terhadap ilmu al-Quran dan hadis merupakan fitnah akhir zaman yang boleh membawa kepada kesesatan dan kesengsaraan hidup.

Selain amalan sanad, asas pemikiran dalam konteks spiritual juga dapat dilihat dari amalan *subbah* dan rihlah ilmiah. Amalan *subbah* berakar umbi dari sahabat Nabi yang selalu tetap bersama Baginda. Mereka menjalankan ajaran Baginda selepasnya serta menyebarkannya kemudian dikenal sebagai ulama pertama, orang-orang Islam pertama yang belajar, mewariskan spiritualnya. Seperti orang-orang yang akan datang selepas mereka di sepanjang abad, setiap generasi yang memperoleh autoriti itu yang berpangkal dari Nabi Muhammad s.a.w. Pengajaran yang pertama dari amalan *subbah* iaitu al-Quran, kemudian hadis lalu diguna pakai dalam bidang-bidang lain seperti tasawuf, bahasa mahupun hukum (George Makdisi, 1981: 128-129). Amalan yang melatari tradisi ini adalah warisan spiritual dari guru kepada murid dalam bidang-bidang ilmu tersebut yang diamalkan dalam institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah.

Sementara itu, pendidikan semasa telah mengalihkan fungsi sebenar dari amalan *subbah*, ianya lebih mudah diamalkan melalui hubungan teknologi antara guru dan murid. Seperti berhubung dengan whatsapp, telegram, facebook, instagram dan pelbagai media sosial lainnya. Apatah lagi semasa pandemi Covid-19 yang mewabah di seluruh dunia, pengajaran dijalankan melalui talian zoom, google meet dan lainnya. Memang penggunaan media sosial memberikan kemudahan, tetapi nilai yang wujud di sebalik hubungan guru-murid secara hakikatnya telah hilang. Ianya disebabkan sosok guru yang sebenar tidak dapat diketemukan dalam perhubungan teknologi. Akibatnya murid tidak mengenal sosok guru yang sebenarnya, sementara *subbah* dalam institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah memberikan makna bahawa murid mengikuti guru yang tetap atas dasar keutamaan ilmu. Oleh itu, amalan *subbah* dalam pendidikan semasa boleh diaplakasikan dengan mengambil kira kedua-duanya sama ada dalam sejarah mahupun realiti semasa. Sehingga amalan *subbah* untuk mencapai hakikat spiritual tidak dilalaikan oleh pengaruh-pengaruh teknologi yang sangat mencabar.

Begitu pula dengan amalan rihlah ilmiah, seorang murid yang mengembara dari satu tempat ke tempat yang lain untuk berguru kepada guru yang dikehendakinya. Pada hakikatnya memerlukan masa, harta mahupun jarak yang dilalui tidak dihiraukannya. Walaupun miskin tetapi tidak menjadi penghalang untuk mengembara, mereka tidak menghiraukan kesukaran-kesukaran dan bahaya-bahaya dalam perjalanan. Ini kerana wujud keyakinan mendalam dalam jiwa murid bahawa menuntut ilmu adalah sesuatu jihad yang dinilai sebagai syahid apabila meninggal dalam perjalanan menuju ilmu. Penuntut ilmu dikenali sebagai pengembara yang hebat dan perjalanan di dunia Islam adalah tidak terbatas. Para murid mengiktiraf guru sebagai orang yang mempunyai autoriti, menyampaikan pengetahuan kepada murid-murid yang ada di persekitaran mereka, termasuk orang yang pergi jauh untuk belajar dari mereka. Banyak murid-murid yang pergi jauh ke pusat-pusat ilmu untuk mendengar langsung dari lisan ulama yang terkenal. Seperti Ibn Jubayr yang melawat ke Madrasah Nizamiyyah untuk menghadiri majlis ilmu Imam al-Qazwiniy (Jubayr, n.d.: 195).

Guru atau shaikh pada ribat, khaniqah ataupun zawiyyah juga memberikan tunjuk ajar yang sangat mendalam menerusi spiritual murid. Al-Subkiy mengemukakan bahawa tugas mereka sebagai *Shaikh al-Shuyukh* ialah memberikan latihan awal seorang sufi (murid), melindunginya dari perkara-perkara haram, menjaga jiwa dari tuntutannya, mengawal murid sesuai dengan pencapaian mereka, menjauhkan diri murid dari menggunakan bahasa sufi sebelum mereka disediakan dengan baik, kerana bahasa semacam itu boleh membahayakan dirinya. Oleh itu, seorang guru mesti mendidik murid secara bertahap, dimulakan pengajaran doa-doa solat, membaikkan bacaan al-Quran, serta meneruskan zikir untuk memuji Tuhan. Seorang murid sangat penting menghindari pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh beberapa Sufi besar yang tidak dimaksudkan secara harfiah. Pengajaran ini tidak boleh diulang kepada murid pemula sebelum mereka sedia dengan ilmunya kerana risiko menyebabkan mereka kehilangan jiwa.(Taj al-Din ‘Abd al-Wahab al-Subkiy, 1993: 124) Peranan guru ribat, khaniqah ataupun zawiyyah sangat ketara dalam memupuk jiwa murid yang dekat dengan Sang Pencipta dan juga menguasai ilmu zahir batin yang benar dan selamat selari dengan nafas Islam.

Konteks spiritual yang diamalkan guru-murid dalam institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah menzahirkan hakikat sebenarnya dalam memartabatkan ilmu. Khalifah seorang yang berkuasa, tetapi ia juga menghadiri majlis-majlis ilmu yang digerakkan oleh ulama. Ia memperhatikan dan mengawal dengan serius, bahkan memperuntukkan waqaf bagi kelangsungan majlis tersebut. Berbanding balik dengan pemimpin hari ini, mereka sudah jauh dari nilai-nilai tersebut sehingga kebijakan kerajaan sesebuah negara tidak selari dengan cadangan ahli-ahli ilmu. Walhasil, berlaku pelbagai kerosakan dalam negara dan melahirkan kebimbangan dan ketidakpercayaan masyarakat terhadap pemimpin.

Proses Peng-Adab-an

Tradisi *talaqqiy* yang wujud dalam pengajaran menggambarkan suasana yang mesra antara guru-murid yang berjalan dengan semula jadi. Murid merasakan keselesaan hingga ia memperhatikan cara-cara yang diberikan guru, sama ada adab dalam syarahan mahupun adab majlis yang memperlihatkan cara-cara tradisional dalam pengajaran yang dimulakan sejak masa Baginda Rasulullah s.a.w kemudian berkembang dalam institusi pengkajian, masjid dan madrasah. Murid dapat melihat secara langsung dari apa-apa yang dikatakan guru, bahkan secara tidak langsung ia boleh mengamalkan ilmu yang didapati dalam tradisi ini. Pada hakikatnya proses amalan *talaqqiy* adalah memperkuat secara visual dan praktikal.

Begitu pun posisi duduk murid adalah dibezakan sesuai dengan kecekapan mereka, hal ini menunjukkan bahawa murid-murid harus menjaga adab belajar. Kerana adab dan kecekapan murid menentukan tingkatan belajar sehingga mereka mesti berusaha dengan sabar untuk meneruskan pelajaran ataupun berpada sesuai kecekapannya. Maka posisi duduk murid bukan setakat tempat sahaja tetapi lebih kepada kemampuan untuk memperolehi pelajaran dan nasihat yang disampaikan guru sehingga menzahirkan

proses peng-adaban. Amalan *talaqqiy* kebanyakannya diberikan oleh *mu'addib* dan *mu'addab* melalui pengajaran ilmu sebagai wasilah kepada adab itu sendiri.

Sulayman Ahmad (2011: 487) merumuskan bahawa proses peng-adab-an semasa Abbasiyah dikategorikan kepada tiga perkara iaitu *mu'addib*, *mu'addab* dan *manhaj* pengajaran. Sementara itu, amalan hubungan guru-murid menerusi *talaqqiy*, *subbah* mahupun rihlah ilmiah disandarkan kepada tiga istilah tersebut. Ketiga-tiga istilah tersebut dikenal jelas pada pusat pengkajian, masjid dan madrasah sebagai amalan yang berterusan dari zaman ke zaman, dari guru ke guru, dari murid ke murid, bahkan pihak pentadbiran bertanggung jawab untuk menguruskan pengajian pada di institusi pendidikan Islam.

Amalan yang dilakukan oleh *mu'addib* adalah menanamkan akhlak atau adab sama ada kepada golongan kanak-kanak, kaya, miskin mahupun menteri ataupun khalifah yang statusnya murid. Mereka memberikan pendidikan melalui penyucian jiwa, pembinaan akhlak, pengajaran dan pembelajaran serta pelbagai bentuk lain yang menunjukkan keterikatan dengan fahaman adab. Golongan tersebut pada kenyataannya disebut dengan *mu'allim*, *shaykh*, *mudarris*, *faqih*, dan *ustadz*. Golongan-golongan inilah yang wujud di pusat pengkajian, masjid dan madrasah dari awal penubuhannya zaman Abbasiyyah sehingga abad-abad selanjutnya dengan sistem mereka sendiri. Maka, tidak hairan apabila berlaku amalan pemberian sanad dan ijazah dalam tradisi *talaqqiy* dan *subbah* serta rihlah para murid untuk mendapatkan pencarian ilmu daripada golongan yang disebutkan di atas.

Amalan *mu'addab* pula dilakukan oleh seorang individu untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran untuk menyampaikan ilmu dan adab yang sesuai dengan apa yang dilakukan oleh *mu'addib* dalam tradisi *talaqqiy*. Apa yang dilakukan *mu'addab* dalam istilah ilmiah mereka dikenal dengan *muta'allim*, *tilmidz*, *talib*, dan *daris*. Pada hakikatnya golongan ini juga wujud di pusat pengkajian, masjid dan madrasah zaman Abbasiyyah. Mereka menekankan penumpuan adab sebagai amalan penting sepertimana konsep kenabian yang memfokuskan akhlak sebagai matlamat utama yang telah dimaklumi oleh semua kalangan pendidikan, sehingga *mu'addab* mempraktikkan apa yang sudah dilakukan oleh *mu'addib* untuk mewujudkan konsep kenabian yang berkesan kepada siapa sahaja yang datang mencari dan menerima proses peng-adab-an ini.

Sementara itu, istilah yang terakhir adalah *manhaj* dalam mengajarkan ilmu sebagai wasilah menanamkan adab pada diri murid dalam apa-apa bidang ilmu. Apakah ianya pengajian agama, sejarah, bahasa dan adab (tata bahasa atau *sya'ir*) dan ilmu sains, ilmu fizikal serta kecekapan. Ilmu-ilmu tersebut terus diberikan sama ada di pusat pengajaran, masjid dan madrasah sehingga dapat memastikan amalan pengajaran yang sebenar. Amalan tersebut merupakan bentuk proses peng-adaban yang dilakukan oleh golongan pertama dan kedua melalui majlis ilmu (*Majlis al-Ilm* dan *Majlis al-Wa'z*). Apa yang berlaku di pusat pengkajian, masjid dan madrasah ialah para murid menghadiri majlis-majlis tersebut dan bebas memilih mana majlis yang hendak dihadiri. Justeru itu, para *mu'addib* dan *mu'addab* dapat meletakkan *manhaj* dalam majlis-majlis tersebut.

Tuntutan Kebijaksanaan (Hikmah)

Hikmah merupakan pencapaian teragung yang diperolehi guru-murid dari kedalaman ilmu yang sebatی dalam diri mereka zahir dan batin. Maka niat yang wujud dari peribadi yang suci dapat memberikan sikap hikmah dengan kesungguhan melazimi guru dengan bersanad, berijazah, ber-*talaqqiy* dan ber-*subbah* atau ianya mengembara untuk mendapatkan hikmah tersebut. Kerana matlamat yang paling tinggi dalam menuntut ilmu menerusi guru adalah mencapai hikmah untuk mengetahui dan melaksanakan amal ibadah sesuai dengan pengetahuan itu.

Dalam al-Quran banyak sekali disebutkan perkataan hikmah menerusi ayat-ayat yang berlainan. Terdapat sembilan belas tempat yang menyebutkan kata hikmah dalam al-Quran (<http://corpus.quran.com>, dicapai tarikh 3-1-2020) yang dibahaskan menurut konteksnya masing-

masing. Berikut perkataan hikmah yang disandingkan dengan perkataan, *fi'il*, kalimah Allah, dan nama iaitu:

- 1- Perkataan hikmah yang disandingkan dengan perkataan ‘*al-Kitab*’ (الكتاب والحكمة) terdapat sebelas tempat dalam beberapa surah (Surah Al-Baqarah, 2: 129, 151, 231, 251; Surah Ali Imran, 3: 48, 81, 164; Surah An-Nisa’, 4: 54, 113; Surah Al-Ma’idah, 5: 110; Surah Al-Jumu’ah, 62: 2).
- 2- Perkataan hikmah yang disandingkan dengan ‘*fi'il ata-yu'itiy*’ (يُقْرَأُ الْحِكْمَةُ) terdapat tiga tempat (Surah Al-Baqarah, 2: 269 (dua tempat); Surah Shad, 38: 20).
- 3- Perkataan hikmah yang disandingkan dengan perkataan ‘*Rabbuka bi atau min*’ (ربك بالحكمة) terdapat dua tempat (Surah An-Nahl, 16: 125, Surah Al-Isra’, 17: 39) dan disandingkan dengan perkataan ‘Allah’ (الله والحكمة) terdapat satu tempat (Surah Al-Ahzab, 33: 34).
- 4- Perkataan hikmah yang disandingkan dengan ‘*fi'il ji'tukum*’ (جِئْتُكُمْ بِالْحِكْمَةِ) terdapat satu tempat (Surah Al-Zukhruf, 43: 63).
- 5- Perkataan hikmah yang disandingkan dengan perkataan nama ‘Luqman’ (لُقْمَانُ الْحِكْمَةِ) terdapat satu tempat (Surah Luqman, 31: 12).

Secara khas perkataan-perkataan tersebut tidak dikomentari lagi kerana ianya adalah harus bersesuaian dengan tafsir ataupun takwil yang dijelaskan dalam Ilmu Tafsir. Namun, secara umum perkataan hikmah lebih banyak disandingkan dengan al-Kitab (al-Quran). Gambaran tersebut apabila ditelaah lebih jauh ianya menyiratkan makna bahawa seseorang yang hendak mendapatkan hikmah maka mestilah melalui tarbiyah. Secara tidak langsung ia berguru bagi mendapatkan keseluruhan daripada hikmah tersebut.

Amalan inilah yang berlaku di pusat pengkajian, masjid dan madrasah bahawa al-Quran sebagai salah satu bidang pengajian yang melahirkan pelbagai ilmu di dalamnya. Tidak hairan apabila seorang murid belajar ilmu-ilmu tersebut dengan niat ikhlas sebagai proses yang diterima dari guru. Para sarjana zaman Abbasiyyah mempunyai kepakaran yang berbeza, awalnya mereka belajar al-Quran dengan membaca dan menghafaz sehingga bersarang dalam jiwa mereka ayat-ayat al-Quran. Pengajaran ini dilakukan melalui amalan *talaqqiy*, sanad, ataupun *subbab* sehingga ia mendapat ijazah dari guru yang berkenaan.

Tidak dapat dipungkiri bahawa tokoh-tokoh yang diiktiraf zaman Abbasiyyah dengan ketinggian hikmah pada diri mereka adalah lepasan-lepasan pusat pengkajian, masjid dan madrasah. Ketokohan mereka diiktiraf dalam bidang tafsir, hadis, tarikh, fiqh, bahasa, dan pelbagai perkembangan ilmu lainnya. Tentu ketokohan mereka berasaskan amalan hubungan guru-murid dalam mengasah pemikiran sehingga melahirkan ilmu-ilmu selari dengan perkembangan zaman. Dengan demikian dapat dirumuskan bahawa sarjana yang mampu mengekalkan ilmu dan mengamalkan perbuatan zahir batin, ianya telah mananamkan hikmah dalam dirinya. Bahkan ia mengajarkan hikmah kepada murid-muridnya yang lain sesuai dengan makna-makna yang terkandung dalam al-Quran.

Semangat Ilmiah

Banyak faktor yang dapat ditelusuri bahawa amalan hubungan guru-murid telah memindahkan semangat yang tinggi dalam kebangkitan ilmu pengetahuan. Dapat dilihat dari institusi pusat pengkajian, masjid dan madrasah yang telah melahirkan sarjana-sarjana dengan karya-karya agung. Mengikut Mehdi Nakosteen (1964), bahawa pada dasarnya realiti tersebut disebabkan dua faktor:

- 1- Para sarjana mendapatkan rangsangan terbesar dari warisan sains dan falsafah Greco-Helenistik Islam.

- 2- Islam mengasimilasi warisan tersebut dan menggalakkannya menerusi madrasah, kolej, pusat penyelidikan mahupun perpustakaan dengan semangat penyelidikan yang bebas dan menunjukkan daya hidup yang kreatif dan berkemajuan.

Semangat-semangat yang diwariskan oleh guru-guru pada institusi pendidikan Islam telah membangkitkan rasa ingin tahu mereka untuk membuka jalan kepada penyiasatan, mengembangkan inovasi, terutama kemajuan dalam ilmu agama, falsafah, sains, kesusasteraan dan juga seni. Semangat itu pula membuka jalan bagi lepasan-lepasan pusat pengkajian, masjid dan madrasah dengan keyakinan tulen bagi menemukan bentuk pemikiran mereka. Satu sisi melihat agama secara terpisah dengan sains, di sisi lain semangat pemikiran yang kreatif mesti digalakkan. Oleh demikian, semangat tersebut telah membuka wacana pemikiran dalam menilai dan mengomentari karya-karya yang wujud di zaman sebelumnya. Amalan guru-murid dimanifestasikan dengan semangat tinggi untuk mencapai peradaban yang gemilang.

Era khalifah Abbasiyah pada masa al-Mansur, Harun al-Rashid dan al-Ma'mun dinilai sebagai era kecermelangan ilmu pengetahuan Islam melalui penubuhan Bayt al-Hikmah. Ianya merupakan pusat penyimpanan buku-buku, pengkajian dan penterjemahan. Kehadiran Jami' al-Azhar Mesir semasa Dinasti Fathimiyyah membuka wacana pemikiran dan aliran Shi'ah. Pengajian-pengajian yang mendokong Shi'ah terus digalakkan bagi menyebarkan pengaruh dan fahaman mereka. Begitu juga dengan penubuhan Madrasah Nizamiyyah oleh Perdana Menteri Nizam al-Mulk. Matlamat penting yang digariskan pada madrasah ini adalah untuk memurnikan kembali aliran Sunni.

Apa yang mereka lakukan berawal dari semangat ilmiah yang diamalkan guru-murid. Tanpa disadari telah memberikan pengaruh kepada institusi pendidikan Barat dari awal skolastik Islam sehingga perkembangan skolastik Barat. Terutama antara tahun 1050 sampai 1300 yang menandakan kebangkitan pengajian Barat zaman pertengahan. Semangat intelek, sastera dan estetika yang dirangsang oleh sarjana-sarjana Muslim dalam kegiatan penterjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Latin dan Hebrew ataupun dari Bahasa Arab ke Bahasa Hebrew atau Sepanyol yang kemudian diterjemahkan ke Bahasa Latin lagi.

Dalam sejarah Islam, penterjemah pertama kali dilakukan oleh Khalid Ibn Yazid Ibn Muawiyyah (w. 85 H) yang menterjemahkan buku-buku Kimia, Kedokteran dan Astronomi (Nadim, n.d.: 497). Menurut Sa'id Daywahchi (1972), gerakan penterjemahan dimulakan sejak era awal Kerajaan Abbasiyah semasa Khalifah al-Mansur (754-775 M). Khalifah al-Mansur yang mengarahkan 'Abd Allah Ibn al-Muqaffa' untuk menterjemahkan karya-karya Parsi, India dan Greek (O'Leary, 1964: 22-23). Selanjutnya kegiatan penterjemahan diteruskan oleh anaknya Khalifah Harun al-Rashid (786-809 M). Beliau sebagai pencetus kebangkitan intelektual Islam dan pengasas Bayt al-Hikmah di Baghdad. Sehingga ramai para ulama, cendekiawan dan sarjana yang berhimpun di istananya (Shalabiyy, 1954:181-182). Khalifah Harun al-Rashid mengangkat dan memerintahkan para sarjana untuk menterjemahkan buku-buku asing ke bahasa Arab, antaranya ialah Abu Sahl Al-Fadhl Ibn Nawbakht dan Yuhanna Ibn Masawayh (Shalabiyy, 1954: 163). Menurut Ibn Nadim (n.d.), Ibn Nawbakht banyak menterjemahkan buku-buku dari Bahasa Persia ke Bahasa Arab. Yuhanna Ibn Masawayh pula banyak menterjemahkan buku-buku yang didapatkan daripada Ankara, Ammuriyyah dan negeri-negeri Romawi yang ditaklukkan oleh kaum Muslimin (Ibn Abi 'Usaybi'ah, 1882: 187).

Selepas Khalifah Harun al-Rashid, gerakan penterjemahan juga dilakukan oleh Khalifah al-Ma'mun (813-833). Beliau mengumpulkan buku-buku lama dengan usaha yang kuat sehingga didapati dalam bilangan yang besar dan diletakkannya di Bayt al-Hikmah (Ibn Abi 'Usaybi'ah, 1882: 187; Nadim, n.d.: 339). Kemudian al-Ma'mun memerintahkan para penterjemah untuk menyalin buku-buku tersebut dan menjelaskan terjemahan tersebut dari perkara-perkara penting. Antara para sarjana yang melakukan penterjemahan dibawah arahan al-Ma'mun iaitu al-Hajjaj Ibn Matar, Ibn Bathriq, Salam dan Hunayn Ibn Ishaq (Nadim, n.d.: 339).

Hunayn Ibn Ishaq termasuk sarjana yang paling banyak menterjemahkan karya-karya Yunani ke Bahasa Syria. Kemudian murid-muridnya menterjemahkannya ke Bahasa Arab, lalu beliau menyunting dan menerbitkannya (Meyerhof, 1984: 702). Beliau juga berguru kepada Yuhanna Ibn Masawayh dan Jibril Ibn Bakhtishu (O'leary, 1949: 164-165). Jibril Ibn Bakhtishu yang kemudian memperkenalkan Hunayn Ibn Ishaq kepada Khalifah al-Ma'mun sehingga beliau diangkat sebagai pengarah Bayt al-Hikmah (Hitti, 1970: 312; O'leary, 1949: 165-166). Hubungan Hunayn Ibn Ishaq dengan guru dan murid-muridnya menunjukkan hubungan yang rapat dan memberikan kedudukan penting baginya di institusi Bayt al-Hikmah. Kedudukannya tersebut bukan setakat menterjemah karya-karya saintifik, tetapi beliau juga dapat melatih sepasukan penterjemah untuk menjayakan gerakan penterjemahan pada era tersebut. Antara murid-muridnya tersebut ialah Ishaq Ibn Hunayn, Hubaiysh Ibn al-Hasn al-A'sam, Isa Ibn Yahya, Musa Ibn Khalid, Yahya Ibn Harun, Tabit Ibn Qurrah, Daud Ibn Hunayn, Abu Yusuf al-Kindiy, dan Isa Ibn Aliy (Hitti, 1970: 312; Meyerhof, 1984: 15-17; Sa'id Daywahchi, 1972: 690). Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa hubungan guru-murid yang diamalkan Hunayn menunjukkan metodologi penterjemahannya yang amat mendalam dan menyeluruh yang diajarkan kepada murid-muridnya. Sehingga dikenal dengan Madrasah Penterjemahan Hunayn kerana dapat mengangkat martabat Bahasa Arab kepada tahap bahasa saintifik yang mampu mentafsirkan semua persoalan falsafah dan sains (Sa'id Daywahchi, 1972: 16-17). Semangat ilmiah yang mengakibatkan mereka mampu menghasilkan karya-karya penterjemahan yang banyak. Kesungguhan dalam mengkaji, menyalin dan menterjemah adalah asas penting yang diwariskan guru kepada murid-muridnya. Murid-murid pula dapat mengambil cara atau metodologi yang tepat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pengkajian yang saintifik.

Gerakan penterjemahan daripada institusi Bayt al-Hikmah terus berkembang sehingga ia dianggap sebagai universiti pertama di dunia Islam. Seterusnya memunculkan universiti-universiti baru di dunia Islam seperti Jami' al-Azhar dan Madrasah Nizamiyyah (Lindberg, 1980: 47). Selain itu, Bayt al-Hikmah telah mengaspirasikan institusi-institusi lain, seumpamanya Dar al-Hikmah di Kaherah Mesir (Shalabi, 1954: 149-150). Dar al-Ilm yang didirikan oleh Abu Nasr Sabur Ibn Ardashir perdana Menteri Buwayhiyyah, Baghdad (Abd al-Rahman Ibn Ali Ibn al-Jawziy, 1992: 172) dan institusi-institusi lainnya. Gerakan keilmuan Bayt al-Hikmah dapat dikatakan sebagai kebangkitan intelektual Islam yang pertama yang dipelopori para sarjana Islam. Mereka mengasimilasikan pemikiran Yunani melalui penterjemahan, salah satunya iaitu al-Kindiy. Beliau merupakan tokoh utama yang menggabungkan ilmu-ilmu wahyu dengan ilmu sains dari sumber dan rujukan penterjemahan era keemasan intelektual Islam (Hitti, 1970: 316; 363-364). Sementara gelombang kedua kebangkitan intelektual Islam dipelopori oleh al-Ghazali dalam Gerakan pemikiran yang dinaungi oleh Nizam al-Mulk melalui Madrasah Nizamiyyah (Watt, 2006: 134-135). Semangat ilmiah guru-murid zaman Abbasiyah menunjukkan bahawa kecenderungan idea dan pemikiran mereka kepada dua aliran: 1) Idea-idea rasional yang dihasilkan oleh Bayt al-Hikmah pada abad ke-9, dan 2) Idea-idea tradisional yang dihasilkan oleh Madrasah Nizamiyyah pada abad ke-11 (Swartz, 1981: 236).

Kedua-dua aliran pemikiran dimanifestasikan guru-murid sebagai punca pemikiran berdasarkan pengaruh keilmuan mereka dan guru-guru yang mananamkan nilai-nilai tersebut. Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa semangat gerakan penterjemahan dan penyelidikan merupakan faktor peneraju kebangkitan institusi pendidikan Islam. Guru-murid berkhidmat bagi kebangkitan ilmu pengetahuan sehingga ianya mengamalkan pelbagai metodologi kajian bagi memberangsangkan semangat ilmiah.

Seterusnya amalan guru-murid dalam Islam juga membuka minat kehidupan intelektual Barat dengan lebih dominan. Mereka menerima dan mengasimilasi hakikat pemikiran sarjana Muslim pada ketika itu. Kurikulum '*The Seven Liberal Arts*' yang wujud di universiti-universiti zaman pertengahan telah membuka jalan dengan sistematis. Ilmu pengetahuan baru dan disiplin falsafah telah berjalan selama dua ratus tahun, padahal awalnya tidak terlepas dari semangat penterjemahan, penyiasatan dan pemerhatian guru-guru Muslim. Ianya dapat dilihat perkembangan pusat pengkajian, masjid dan

madrasah yang mempengaruhi pengajian tinggi Eropah (Khalil A Totah, 1926: 96) seperti Universiti Bologna, Paris dan Oxford pada zaman pertengahan. Semangat sarjana Muslim dalam falsafah dan teologi mempengaruhi pemikiran Barat seperti ketokohan Ibn Sina, al-Ghazaliy dan Ibn Rushd yang telah membuka mata failasuf Eropah. Ada di antara mereka yang menumpukan banyak tenaga dan pemikiran intelektual kepada penolakan falsafah para pemikir Islam. Seperti penolakan yang dilakukan oleh Albertus Magnus dan Thomas Aquinas yang menyerang pandangan Ibn Sina dan Ibn Rushd dalam mengomentari falsafah Aristotle (Mehdi Nakosteen, 1964: 187). Pada hakikatnya, semangat perkembangan intelektual sarjana Muslim telah memberikan pengaruh dalam perkembangan intelek sarjana Barat, walaupun ianya tidak menunjukkan prinsip yang sama berdasarkan penyelidikan dan penyiasatan.

Semangat pergerakan ini telah bermula daripada al-Kindiy, ahli falsafah Islam yang pertama dan cemerlang pada abad kesembilan. Beliau sangat prihatin dengan falsafah Aristotelian, Neo-Platonis, dan Alexandria. Ianya mencapai klimaks oleh pemikiran falsafah al-Farabi (878-950) dan Ibn Sina (980-1037) pada abad kesepuluh dan kesebelas. Walau bagaimanapun, pemikiran falsafah al-Farabi telah dipupuk di Baghdad dan sumbangannya dalam falsafah Yunani untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan dalam Islam. Sementara itu, Baghdad merupakan pusat perbincangan ilmu pengetahuan di madrasah dan pusat-pusat pengkajian lainnya.

Tradisi falsafah yang sudah dimulakan oleh al-Kindiy, kemudian diubahsuai dan diteruskan oleh al-Farabi. Selanjutnya diubahsuai lagi dan diterangkan oleh ahli filsuf, ahli sains yang hebat iaitu Ibn Sina yang mempengaruhi pemikiran Kristian Barat yang tidak tertandingi pada abad kedua belas dan ketiga belas dalam bidang falsafah, teologi dan perubatan. Karya terbesar tersebut, seumpama Aristotle dengan al-Farabi yang cuba dikritik oleh al-Ghazaliy, seorang profesor dan rektor Madrasah Nizamiyyah. Pada hakikatnya al-Ghazaliy telah menguasai sepenuhnya semua karya ahli falsafah tersebut ditunjukkan dengan jelas dalam karyanya *Tabafut al-Falasifah*. Beliau mempelajari pandangan ahli falsafah Yunani kemudian mengomentari apa yang wujud serta mencadangkan pandangan yang berbeza. Begitulah semangat ilmiah guru-murid di institusi pendidikan Islam bagi menggapai kemajuan ilmu pengetahuan sebagai hakikat kebenaran agama Ilahi.

Kesimpulan

Perbincangan tentang institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah mendapati perbezaan pandangan dalam mengkategorikan bentuk atau model institusi. Ada yang menyatakan bahawa institusi pendidikan Islam yang terkawal (eksklusif) dan tidak terkawal. Ada pula pandangan bahawa institusi pendidikan Islam yang rasmi dan sistematik, begitu pula sebaliknya. Namun demikian, artikel ini tidak melihat kategori tersebut tetapi lebih merujuk bahawa institusi pendidikan Islam zaman Abbasiyah dapat diteroka kepada pusat pengkajian, masjid dan madrasah. Pusat pengkajian merupakan institusi pendidikan Islam yang mengamalkan kegiatan-kegiatan menyimpan dan menyalin buku, menterjemah dan melakukan pengkajian. Manakala masjid adalah tempat ibadah dan penyelenggaraan majlis-majlis ilmu serta tempat memutuskan persoalan hukum yang berbangkit. Ketika majlis ilmu bertambah ramai, maka fungsinya memberikan ketidaknyamanan bagi urusan ibadah sehingga ia berubah menjadi institusi pengajian tinggi. Proses tersebut mengakibatkan kemunculan madrasah bagi mengekalkan institusi pengajian yang lebih rasmi dan sistematik. Ertinya madrasah dan masjid menzahirkan makna yang sama sebagai institusi pengajian tinggi.

Hasil penerokaan data sejarah daripada ketiga bentuk atau model institusi tersebut, maka dapat dirumuskan asas pemikiran hubungan guru-murid yang berlaku pada era Abbasiyah (8-12 M). Nilai-nilai amalan yang berlaku pada pusat pengkajian, masjid dan madrasah yang paling utama untuk diketengahkan ialah hubungan spiritual, berlakunya proses peng-adaban, guru-murid bermatlamatkan kebijaksanaan (*bikmal*) hakiki, dan semangat ilmiah yang tertanam dalam jiwa peribadi sarjana. Elemen-

elemen tersebut tidak mungkin tersemai dalam jiwa tanpa adanya interaksi hubungan guru-murid yang berterusan.

Dalam konteks spiritual, amalan hubungan guru-murid menunjukkan bahawa niat belajar untuk mendekatkan diri kepada Sang Pencipta dan mendapatkan keredaan-Nya serta terjaga kesucian zahir batin. Amalan sanad mempunyai nilai spiritual dari segi periwatan ilmu, amalan suhbah juga menunjukkan warisan spiritual, dan amalan rihlah ilmiah kerana keyakinan dalam jiwa sebagai jihad di jalan Allah SWT. Proses peng-adaban pula dilihat dari tradisi talaqqiy yang dikenal dengan tiga istilah iaitu *mu'addib*, *mu'addab* dan manhaj pengajaran sebagai wasilah adab (*akhlak*). Begitu pula tuntutan hikmah, guru dapat mengekalkan ilmu dan amal secara zahir dan batin. Murid dapat mencapai hikmah apabila menempuh ilmu dengan bersanad, berijazah, ber-talaqqiy dan ber-suhbah atau rihlah ilmiah yang diwujudkan melalui tarbiyah yang berterusan. Selanjutnya, semangat ilmiah menerusi pusat pengkajian, masjid dan madrasah dengan pelbagai amalan yang menghubungkan guru murid sehingga terbuka jalan kepada penyiasatan, karya, terutama dalam kemajuan dalam ilmu agama, falsafah, dan sains.

Maka artikel ini mencadangkan bahawa institusi pendidikan Islam semasa sangat penting untuk menonjolkan semula asas yang melatari hubungan guru-murid sebagaimana sejarahnya. Perkara ini hanyalah bertujuan untuk memartabatkan wibawa ilmu agar diletakkan pada tempat yang wajar. Secara tidak langsung, rantaian ilmu pengetahuan Islam tetap terjaga dengan baik dan mampu menciptakan peradaban Islam di abad moden. Kegemilangan era Abbasiyah patut dikembalikan semula dengan tidak menjelaskan hubungan guru-murid yang sebenarnya. Kerana pendidikan dimulakan oleh insan yang bergelar guru dan murid sebagai penuntut ilmu.

Acknowledgment

We would like to acknowledge the financial support provided by University of Malaya under the Equitable Society Research Cluster (ESRC) research grant RP023A-15SBS.

References

- 'Isa, 'Abd al-Qadir. (2009). *Haqa'iq 'an al-Tasawwuf*. Al-Makhtum li'l-Nashr wa'l-Tawzi'.
- Abd al-Rahman Ibn Ali Ibn al-Jawziy. (1992). *Al-Muntażam fi Tarikh al-Muluk wa'l-Umam*. Dar Sadir.
- Abu al-'Abbas Ahmad Ibn Abiy 'Usaybi'ah. (1882). *'Uyun al-'Anba' fi Tabaqat al-'Attiba'*. Matba'ah al-Wahhabiyah.
- Abu Fida' Ismail Ibn Kathir. (1997). *Al-Bidayah wa'l-Nihayah*. Dar Hajar.
- Al-Dhahabiyy. (1984). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Mu'assah al-Risalah.
- Al-Ghazaliy, Abu Hamid Muhammad. (1967). *Ihya 'Ulum Al-Din*. Dar al-Sha'b.
- Al-Kinaniy, Ibn Jama'ah. (n.d.). *Tadhkirat al-Sami' wa'l-Mutakallim fi Adab al-'Alim wa'l-Muta'allim*. Idarah Jam'iyyah Da'irah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah.
- Al-Nu'aymiy, 'Abd al-Qadir. (1990). *Al-Daris fi Tarikh al-Madaris*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sha'raniy, 'Abd al-Wahhab. (2008). *Adab al-Subbah*. Dar al-Farabiyy.
- Al-Zirikliy, Khayr al-Din. (2002). *Al-'Alam Qamus Tarajim*. Dar al-'Ilm li'l-Malayin.
- Aman, M. M. (2008). *Schooling in Islam: The Culture and Politics of Modern Muslim Education*. University of Wisconsin-Milwaukee Jurnal Spring.
- Amin, A. (1979). *Duba al-Islam*. Maktab Nahdhah al-Misriyyah.
- Badawiyy, 'Abd al-Rahman. (1977). *Manahij al-Babth al-'Ilmi*. Wakalah al-Matbu'at.
- Bakker, A., & Zubair, A. C. (1989). *Metodologi Penelitian Filsafat*. Kanisius.
- Fadzlullah Hj. Shuib. (1995). *Kecemerlangan Ilmu dalam Sejarah dan Tamadun Islam: Penginstitusian Ilmu di Zaman Abbasiyah 750-1258 M*. Pustaka Warisan.

- Fakhri, M. (1989). *Sejarah Falsafah Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- George Makdisi. (1981). *The Rise of Colleges Institutions of Learning in Islam and The West*. Edinburgh University Press.
- George Makdisi. (1990). *The Rise of Humanism in Classical Islam and The Christian West*. Edinburgh University Press.
- Hamarneh, S. K. (1967). *Tarikh al-Saydalat wa'l-Tib al-'Arabiyy*. Matba'ah Dar al-Tajlid.
- Hefner, R. W., & Zaman, M. Q. (2007). *Schooling in Islam: The Culture and Politics of Modern Muslim Education*. Princeton University Press.
- Hitti, K. P. (1970). *History of the Arabs*. Macmillan St. Martins Press.
- Ibn 'Ajibah. (n.d.), *Mi'raj Tasawwuf ila Haqa'iq Tasawwuf*. Dar al-Bayda'.
- Ibn Asakir. (n.d.). *Tarikh Dimashq*. Dar al-Fikr.
- Ibn Khalikan. (1978). *Wafayat al-A'yan wa-Anba' Abna' al-Zaman*. Dar Sadir.
- Isma'il, Ibrahim. (2011). *Sharh Ta'lim al-Muta'alim Imam Burhan al-Islam Zarnujiy*. Dar al-Basa'ir.
- Jubayr, Ibn. (n.d.). *Rihlah Ibn Jubayr*. Dar Sadir.
- Khalil A. Totah. (1926). *The Contribution of the Arabs to Education*. Columbia University.
- Lane Poole. (1912). *The Story of Cairo*. N.P.
- Lindberg, D. C. (1980). *Science in The Middle Ages*. The University of Chicago Press.
- Makdisi, G. (1991). *Religion, Law and Learning in Classical Islam*. Variorum.
- Mehdi Nakosteen. (1964). *History of Islamic Origin of Western Education A.D. 800-1350 with an Introduction to Medieval Muslim Education*. University of Colorado Press.
- Meyerhof, M. (1984). *Studies in Medieval Arabic Medicine: Theory and Practice*. Variorum Reprints.
- Muhammad 'Aliy Rajub. (2002). *Al-Idarah al-Tarbiyyah fi al-Madaris fi al-'Ashr al-'Abbasiy (132-656 H)*. Jami'ah al-Yarmuk.
- Muhammad Qumbur. (1985). *Dirasat Turathiyah fi al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dar al-Thaqafah.
- Nadim, Ibn. (n.d.). *Al-Fihrist li-Ibn al-Nadim*. Dar al-Ma'arif.
- Nasr, S. H. (1984). *Science and Civilization in Islam*. Dewan Pustaka Fajar.
- Nata, A. (2013). *Sejarah Pendidikan Islam pada Periode Klasik dan Pertengahan*. Rajawali Pers.
- O'leary, D. L. E. (1949). *How Greek Science Passed to the Arabs*. Routledge and Kegan Paul.
- O'Leary, L. (1964). *Arabic Thought and its Place in History*. Routledge & Kegan Paul.
- Qandu, Sulayman Ibn Ahmad Bakr. (2011). *Al-Ta'dib fi al-'Asr al-'Abbasiy al-Awal*. Al-Jami'ah al-Islamiyyah bi'l-Madinah al-Munawarah.
- Sa'id Daywahchiy. (1972). *Bayt al-Hikmah*. Mu'assasah Dar al-Kutub li'l-Tiba'ah wa'l-Nashr.
- Samsul Nizar. (2007). *Sejarah Pendidikan Islam: Menelusuri Jejak Sejarah Pendidikan Era Rasulullah Sampai Indonesia*. Kencana.
- Shalabiy, Ahmad. (1954). *Tarikh al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Siba'iyy, Mustafa. (1999) *Min Rawa'i' Hadarati-na*. Dar al-Waraq li'l-Nashr wa'l-Tawzi'.
- Swartz, M. L. (1981). *Studies on Islam*. Oxford University Press.
- Taj al-Din 'Abd al-Wahab al-Subkiy. (1993). *Mu'id al-Ni'am wa-Mubid al-Niqam*. Maktabah al-Khanajiy.
- Taqi al-Din Ahmad Ibn Aliy al-Maqriziy. (1997). *Al-Khitat al-Maqriziyah*. Maktabah Madbuliy.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huriaian Konsep Asli Islamisasi*. Universiti Malaya.
- Watt, W. M. (2006). *The Formative Period of Islamic Thought*. Viva Books Private Limited.
- Yaqut al-Hamawiy al-Rumiy. (1993). *Mu'jam al-Udaba'*. Dar al-Gharb al-Islamiy.